

Headline	Kadar jangkitan HIV turun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	28	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	82 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,684
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,052



## Kadar jangkitan HIV turun

**Melaka:** Berikutan statistik penurunan kes dilihat konsisten setiap tahun, kerajaan yakin sasaran mengurangkan kadar jangkitan HIV kepada 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015 mampu dicapai lebih awal.

Sepanjang tahun lalu, 3,438 atau kadar jangkitan 11.7 kes bilangan kes baru HIV dilaporkan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, jumlah itu menunjukkan penurunan berbanding kadar jangkitan 21.7 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada 2000.

"Berdasarkan fakta itu, sasaran Matlamat Pembangunan Melinium (MDG) mengurangkan kadar jangkitan HIV serta menghentikan jangkitan baru penyakit berkenaan mungkin akan dapat dicapai lebih awal dari 2015

"Penurunan itu hasil usaha pelbagai pihak termasuk kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) selain individu namun ia perlu dipertingkatkan bagi mengelak jangkitan itu meningkat semula," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan Timbalannya Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya pada Majlis Pelancaran Melaka Bandaraya Bersejarah Menuju Sifar HIV 2015 di sini, semalam.

Menurut Dr Subramaniam, pihaknya komited memastikan pesakit dijangkiti mendapat rawatan sempurna meliputi Antiretroviral (ARV), kaunseling, penjagaan dan sokongan.

"Saya berharap Pelan Strategik HIV Kebangsaan (2011-2015) diperkuuhkan," katanya.